

Kemahiran Belia Negara (IKBN), Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) dan lain-lain lagi. Impian kita, selain daripada memperolehi ijazah, pelajar kita juga akan memperolehi sijil-sijil kemahiran yang berkaitan dan diiktiraf oleh badan luar.

"Pengiktirafan luar ini adalah penting untuk membantu mahasiswa yang akan tamat pengajian kelak mempunyai kemahiran tambahan dan diiktiraf di samping ilmu yang dipelajari sepanjang berada di universiti, ini sekaligus meningkatkan kebolehpasaran graduan tersebut," katanya sewaktu ditemui pada Bengkel Pemantapan dan Transformasi Jurulatih Kokurikulum di The Regency Darulaman Golf Resort, di Jitra, semalam.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Rosna Awang Hashim sewaktu merasmikan majlis itu berkata, beliau berharap penyelaras dan jurulatih yang dilantik dapat memberikan komitmen yang tinggi untuk sama-sama membantu mentransformasikan kokurikulum di universiti ini.

Katanya, tugas mentransformasi ini dapat memacu dan memperkasakan Pusat Kokurikulum ke arah merealisasikan hasrat menjadikan UUM sebagai Universiti Pengurusan Terkemuka.

=====

DARIPADA:

SEKSYEN MEDIA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078

FAKS: 04-928 3016

E-MEL: ukkuum@uum.edu.my